



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**

MINIT BEBAS



**YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan**

YB. Dato',

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PERUNTUKAN,
PELAKSANAAN DAN TADBIR URUS PROJEK PEMBANGUNAN ICT
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN VERSI
2.0**

1. TUJUAN

Minit bebas ini bertujuan memohon pertimbangan dan kelulusan YB. Dato' bagi pelaksanaan Garis Panduan Permohonan Kelulusan Peruntukan, Pelaksanaan Dan Tadbir Urus Projek Pembangunan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan Versi 2.0.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara permohonan kelulusan pelaksanaan projek pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di peringkat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) Negeri Perak serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan ICT di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.
- 2.2 Susulan teguran dari Jabatan Audit Negara pada **Sesi Pengauditan Pematuhan Terhadap Pembayaran Projek ICT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak** pada 22 Jun 2022, penambahbaikan struktur tadbir urus JPIC dan JTIC perlu dilaksanakan di mana tiada penurunan kuasa dikeluarkan kepada pengerusi jawatan kuasa tersebut.

3. PINDAAN GARIS PANDUAN SEDIA ADA

- 3.1 Cadangan pindaan garis panduan tersebut meliputi perkara-perkara berikut :-
- 3.1.1 Tambahan lantikan rasmi **Bukan Ahli Tetap** untuk **Jawatankuasa Pemandu ICT(JPICT)** pada **para 5.1.2(b)**.
 - 3.1.2 Tambahan lantikan rasmi **Pengerusi Ganti** atau pegawai yang diberi kuasa untuk **Jawatankuasa Pemandu ICT(JPICT)** dan **Jawatankuasa Teknikal ICT(JTICT)** pada **para 5.1.2** dan **para 5.2.2**.
 - 3.1.3 Pindaan **Jawatankuasa Teknikal ICT(JTICT)** - **Kekerapan Mesyuarat** iaitu sekurang-kurangnya **4 kali** pada **para 5.2.2**.
- 3.2 Garis Panduan versi 2.0 telah dibentangkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat pada **27 Oktober 2022 semasa Mesyuarat JPICT Bil. 3/2022** seperti dikepilkan.


4. SYOR

Jawatankuasa Pemandu ICT dengan ini memperakukan pelaksanaan Garis Panduan Permohonan Kelulusan Peruntukan, Pelaksanaan Dan Tadbir Urus Projek Pembangunan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan Versi 2.0 bagi tujuan pelaksanaan pemakaian kepada seluruh jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HALIZAH BINTI SIPUN)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Tarikh : **12/12/22**

"PERAK SEJAHTERA 2030"

**KELULUSAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN PERUNTUKAN,
PELAKSANAAN DAN TADBIR URUS PROJEK PEMBANGUNAN ICT
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN VERSI 2.0**

Setelah meneliti dan mempertimbangkan minit bebas ini, saya

☒

Meluluskan

☐

Tidak Meluluskan

☐

Meluluskan dengan pindaan seperti di ruangan ulasan

Garis Panduan Permohonan Kelulusan Peruntukan, Pelaksanaan Dan Tadbir Urus
Projek Pembangunan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan Versi 2.0

ULASAN

.....

.....

.....



YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 14/12/2022



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN
PERUNTUKAN, PELAKSANAAN DAN TADBIR URUS
PROJEK PEMBANGUNAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK**

MAKLUMAT DOKUMEN	
Tajuk	Garis Panduan Permohonan Kelulusan Peruntukan, Pelaksanaan Dan Tadbir Urus Projek Pembangunan ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan
Pemilik	Bahagian Pengurusan Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
VERSI	TARIKH KUAT KUASA
1.0	27 JANUARI 2021
2.0	14 DISEMBER 2022

KANDUNGAN	<i>Muka Surat</i>
1.0 TUJUAN	1
2.0 LATAR BELAKANG	1
3.0 PUNCA KUASA	1
4.0 TAKRIFAN	2
5.0 STRUKTUR TADBIR URUS KELULUSAN DAN PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK	2
5.1 Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Perak (JPICT)	5
5.2 Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Perak (JTICT)	5
5.3 Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan/Agensi	6
5.4 Pengurusan Projek Jabatan/Agensi	8
5.4.1 Jawatankuasa Pemandu Projek	8
5.4.2 Jawatankuasa Teknikal/Pasukan Kerja Projek ICT	9
6.0 SKOP PROJEK ICT YANG BOLEH DILAKSANAKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN ICT NEGERI PERAKUKAN JPICT	10
6.1 Takrifan Skop Bagi Setiap Projek ICT	10
6.1.1 Projek Baharu	10
(a) Pembangunan Aplikasi	10
(b) Perkakasan Komputer Yang Menyokong Sistem Aplikasi/Infrastruktur Rangkaian	11
(c) Perisian Komputer Yang Menyokong Sistem Aplikasi/Infrastruktur Rangkaian	11
(d) Perkhidmatan ICT	11
(e) Infrastruktur Rangkaian ICT	12
6.1.2 Peningkatan Sistem	12
6.1.3 Peluasan Sistem/Projek	13
6.1.4 Penambahan Peralatan Yang Menyokong Sistem Aplikasi/Rangkaian	13
6.1.5 Perolehan Peralatan Bukan ICT Yang Menyokong Sistem Aplikasi/Rangkaian	13
6.2 Pengecualian Kelulusan JPICT	13
7.0 TATACARA PERMOHONAN	14
8.0 PELAPORAN STATUS KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK ICT	14
9.0 PEMAKAIAN	14
10.0 TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN PROJEK ICT	15
11.0 TARIKH KUAT KUASA	15
12.0 PENUTUP	15

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
Lampiran A	Struktur Tadbir Urus Pelaksanaan Projek Pembangunan ICT
Lampiran B	Format Borang Permohonan Kelulusan Pelaksanaan Projek Pembangunan ICT
Lampiran C	Format Kertas Cadangan Pelaksanaan Projek Pembangunan ICT
Lampiran D	Carta Alir Permohonan Kelulusan Pelaksanaan Projek Pembangunan ICT
Lampiran E	Laporan Status Kemajuan Pelaksanaan Projek ICT

SINGKATAN

SINGKATAN	KETERANGAN
ICT	<i>Information and Communication Technology</i> (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
PSICT	Pelan Strategik ICT /Pelan Strategik Pendigitalan ICT
JPICT	Jawatankuasa Pemandu ICT
JPICT Jabatan/ Agensi	Jawatankuasa Pemandu ICT Jabatan/Agensi termasuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan
JTICT	Jawatankuasa Teknikal ICT
PSUK/PSUKPk/ PSUK Perak	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tatacara permohonan kelulusan pelaksanaan projek pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di peringkat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Negeri Perak serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan ICT di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

2.0 LATAR BELAKANG

Sebelum perolehan projek ICT dilaksanakan di peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak, semua projek pembangunan ICT mesti merujuk dan mendapatkan kelulusan dari JPICT Negeri Perak terlebih dahulu berdasarkan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini. Pematuhan kepada Garis Panduan ini dapat mengelakkan daripada berlakunya permasalahan semasa proses pembayaran dan pemantauan pelaksanaan projek-projek ICT.

3.0 PUNCA KUASA

Garis panduan ini diwujudkan dengan merujuk kepada jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan dan juga peraturan sedia ada yang masih berkuat kuasa, antaranya ialah:

- i. **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2 Lampiran 2.27 “Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan”.**
- ii. **Surat Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 3 tahun 2018 “Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPriSA)”;** dan
- iii. **Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 “Garis Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam”.**

4.0 TAKRIFAN

Takrifan yang digunakan dalam Garis Panduan ini adalah seperti berikut:

4.1. “Jabatan/Agensi” merujuk kepada semua peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri Perak iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (PSUK), Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Badan Berkanun di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak;

5.0 STRUKTUR TADBIR URUS KELULUSAN DAN PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK

Struktur tadbir urus kelulusan projek pembangunan ICT pentadbiran Kerajaan Negeri Perak adalah seperti di **Lampiran A** yang meliputi jawatankuasa seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Perak (JPICT)
- (b) Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Perak (JTICT)
- (c) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan/Agensi
- (d) Pengurusan Projek ICT

5.1 Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Perak (JPICT)

Peranan, keahlian dan bidang tugas JPICT adalah seperti berikut:

5.1.1 Peranan JPICT

JPICT bertanggungjawab dalam penyelarasan permohonan projek ICT di peringkat jabatan/agensi dan membuat keputusan serta memantau status kemajuan pelaksanaan projek ICT di PSUK.

5.1.2 Keahlian JPICT

Pengerusi	: Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Pengerusi Ganti	: Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) / Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) atau pegawai yang diberi kuasa oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Urusetia	: Bahagian Pengurusan Maklumat
Kekerapan Mesyuarat	: Sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau ikut keperluan
Keahlian	:

(a) Ahli Tetap:

- i. YB Pegawai Kewangan Negeri atau wakil ;
- ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan);
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) atau wakil ;
- iv. Setiausaha Bahagian BPM;
- v. Ketua Jabatan Negeri/Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak atau wakil;
- vi. Setiausaha Bahagian dan Ketua Bahagian/Unit di PSUK atau wakil;
- vii. Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan atau wakil;
- viii. Semua Pegawai ICT BPM Gred 41 dan ke atas;

(b) Bukan Ahli Tetap:

- i. Ketua Badan Berkanun Kerajaan Negeri atau wakil.
- ii. Penasihat Undang-Undang Negeri Perak atau wakil bagi memberi khidmat nasihat dari segi perundangan berdasarkan hal berkaitan.
- iii. Jemputan jabatan/agensi bukan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri/pihak swasta/individu boleh dibuat

sekiranya terdapat isu yang perlu dibincangkan yang memerlukan pandangan, pendapat dari pihak yang berkepakaran.

5.1.3 Bidang Tugas JPICT

- i. Menetapkan hala tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Perak;
- ii. Merancang, mengenalpasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan hala tuju atau strategi ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri;
- iii. Merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT /Pelan Strategik Pendigitalan ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri;
- iv. Menyelaraskan dan menyeragamkan pelaksanaan ICT antara jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri dengan Pelan Strategik ICT /Pelan Strategik Pendigitalan ICT Sektor Awam;
- v. Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek- projek ICT antara semua jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri;
- vi. Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;
- vii. Memantau perkembangan program ICT agensi/jabatan dan pentadbiran Kerajaan Negeri serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT;
- viii. Memperakukan kelulusan peruntukan kewangan dan pelaksanaan bagi projek ICT bagi agensi/jabatan Pentadbiran Kerajaan Negeri.
- ix. Mendapatkan kelulusan peruntukan kewangan dan pelaksanaan projek dari YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi projek ICT yang telah diperakukan (rujuk perenggan viii).
- x. Menyelaraskan dan memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang telah diluluskan; dan
- xi. Menyelaraskan pelaksanaan program-program merapatkan jurang digital peringkat Negeri.

5.2 Jawatankuasa Teknikal ICT Negeri Perak (JTICT)

Peranan, keahlian dan bidang rujukan JTICT Negeri Perak adalah seperti berikut:

5.2.1 Peranan JTICT

JTICT pula bertanggungjawab menyelaraskan dan menilai aspek teknikal projek ICT yang dikemukakan oleh jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.

5.2.2 Keahlian JTICT

- | | | |
|---------------------|---|---|
| Pengerusi | : | Setiausaha Bahagian, BPM |
| Pengerusi Ganti | : | Ketua Penolong Setiausaha, BPM atau Pegawai yang diberi kuasa oleh Setiausaha Bahagian, BPM |
| Urusetia | : | Bahagian Pengurusan Maklumat |
| Kekerapan Mesyuarat | : | Sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau ikut keperluan |
| Keahlian | : | |
| i. | | Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan BPM ; |
| ii. | | Ketua Unit ICT Pejabat Kewangan Negeri atau wakil ; |
| iii. | | Ketua Unit ICT Pejabat Tanah dan Galian atau wakil; |
| iv. | | Ketua Unit ICT UPEN (PERAK GIS) atau wakil; |
| v. | | Penolong Pegawai ICT Bahagian Kerajaan Tempatan atau wakil; |
| vi. | | Semua Pegawai ICT BPM Gred 41 dan ke atas |

5.2.3 Bidang Tugas JTICT

- i. Memproses dan menilai bagi skop teknikal semua permohonan projek ICT jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak adalah selaras dengan Pelan Strategik ICT /Pelan Strategik

- Pendigitalan ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Perak;
- ii. Mengesyorkan perakuan teknikal projek-projek ICT kepada JPICT.
 - iii. Mempertimbangkan dan memperakukan permohonan projek-projek ICT jabatan/agensi pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.
 - iv. Memantau dan menyediakan laporan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang telah diluluskan;
 - v. Menyemak dan memastikan spesifikasi teknikal memenuhi keperluan projek dan menggunakan teknologi yang bersesuaian;
 - vi. Memastikan permohonan projek-projek ICT mematuhi dasar, garis panduan dan peraturan-peraturan Kerajaan Negeri/ Persekutuan yang sedang berkuat kuasa;
 - vii. Menggalakkan perkongsian pintar dalam bidang ICT di kalangan perkhidmatan jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri; dan
 - viii. Memastikan aspek-aspek keselamatan ICT di ambil kira dalam permohonan projek-projek ICT.

5.3 Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan/Agensi

Peranan, keahlian dan bidang tugas JPICT Jabatan/Agensi (atau setara) adalah seperti berikut:

5.3.1 Peranan JPICT Jabatan/Agensi

JPICT Jabatan/Agensi bertanggungjawab dalam penyelarasan permohonan projek ICT di peringkat jabatan/agensi.

5.3.2 Keahlian JPICT Jabatan/Agensi

Pengerusi	: Ketua Jabatan/Agensi atau Pegawai yang diberi kuasa
Urusetia	: Bahagian / Unit ICT Jabatan/Agensi
Kekerapan Mesyuarat	: Sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau ikut keperluan

Keahlian :

- i. Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer (CIO)*)
Jabatan/Agensi atau yang setara;
- ii. Ketua-Ketua Bahagian;
- iii. Ketua Bahagian/Unit ICT atau yang setara;
- iv. Pegawai Keselamatan ICT atau yang setara;
- v. Ahli-ahli lain yang berkaitan; dan
- vi. Ahli-ahli jemputan yang berkaitan.

5.3.3 Bidang Tugas JPICIT Jabatan/Agensi

- i. Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT jabatan/agensi;
- ii. Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT jabatan/agensi;
- iii. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program/projek- projek ICT jabatan/agensi supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT /Pelan Strategik Pendigitalan ICT jabatan/agensi;
- iv. Memantau perkembangan program ICT jabatan/agensi, serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT;
- v. Menyelaraskan semua permohonan perolehan projek ICT di peringkat jabatan/agensi.
- vi. Mengesyorkan spesifikasi teknikal projek-projek ICT kepada JTICT.
- vii. Memantau dan menyediakan laporan kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang telah diluluskan.

5.4 Pengurusan Projek Jabatan/Agensi

5.4.1 Jawatankuasa Pemandu Projek

Peranan dan keahlian Jawatankuasa Pemandu Projek adalah seperti berikut:

(a) Peranan Jawatankuasa Pemandu Projek

- i. Menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan projek;
- ii. Memantau status pelaksanaan projek secara menyeluruh;
- iii. Memantau dan menyelaraskan aliran kewangan projek bersamaan kemajuan projek;
- iv. Meluluskan setiap pembayaran projek yang hendak dilakukan;
- v. Menimbang dan meluluskan cadangan penguatkuasaan terma-terma kontrak seperti penalti, pelanjutan masa (*extension of time*) dan penamatan kontrak;
- vi. Menyelesaikan isu-isu dasar yang timbul berkaitan dengan projek;
- vii. Melulus dan mengesahkan pelaksanaan setiap peringkat projek; dan meluluskan serahan projek.

(b) Keahlian Jawatankuasa Pemandu Projek

- Pengerusi : CIO/Ketua Jabatan/Timbangan Ketua Jabatan/Agensi
- Urusetia : Bahagian pemilik sistem atau; Bahagian/Unit ICT Agensi
- Kekerapan Mesyuarat : Sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam tempoh projek atau mengikut keperluan.
- Keahlian :
- i. Ketua Bahagian/Jabatan Pemilik Projek
 - ii. Pengurus Projek
 - iii. Penasihat Undang-undang (jika berkaitan)
 - iv. Pengurus ICT Jabatan/Agensi
 - v. Wakil-wakil agensi yang berkaitan (jika perlu)
 - vi. Pengguna utama projek/sistem

5.4.2 Jawatankuasa Teknikal/Pasukan Kerja Projek ICT

Peranan dan keahlian Jawatankuasa Teknikal/Pasukan Kerja Projek ICT adalah seperti berikut;

(a) Peranan Jawatankuasa Teknikal/Pasukan Kerja Projek ICT

- i. Memantau dan memastikan pelaksanaan projek memenuhi skop projek dan memenuhi jadual yang telah ditetapkan;
- ii. Menyemak dan memastikan serahan projek memenuhi keperluan yang ditetapkan;
- iii. Mengkaji isu-isu dasar yang timbul semasa pelaksanaan projek dan memperakukan cadangan penyelesaian kepada Jawatankuasa Pemandu Projek untuk kelulusan;
- iv. Mengkaji dan memperakukan cadangan penguatkuasaan terma-terma kontrak kepada Jawatankuasa Pemandu Projek;
- v. Memberi penyelesaian kepada isu-isu teknikal yang timbul semasa pelaksanaan projek;
- vi. Memperakukan serahan projek kepada Jawatankuasa Pemandu Projek untuk kelulusan; dan
- vii. Melaporkan status kemajuan projek kepada Jawatankuasa Pemandu Projek.

(b) Keahlian Jawatankuasa Teknikal/ Pasukan Kerja Projek ICT

- | | |
|---------------------|--|
| Pengerusi | : CIO/Ketua Jabatan/Timbangan Ketua Jabatan/Agensi |
| Urusetia | : Bahagian pemilik sistem atau; Bahagian/Unit ICT Agensi |
| Kekerapan Mesyuarat | : Sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam tempoh projek atau mengikut keperluan. |

Keahlian :

- i. Pegawai-pegawai ICT Agensi yang berkenaan.
- ii. Pegawai-pegawai daripada agensi Pemilik Projek yang terlibat dengan proses kerja berkaitan.
- iii. Wakil unit infrastruktur dan rangkaian (jika berkaitan).
- iv. Wakil-wakil agensi yang berkaitan.
- v. Pihak Pembekal (jika berkenaan).

6.0 SKOP PROJEK ICT YANG BOLEH DILAKSANAKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN ICT NEGERI PERAK

6.1 Takrifan Skop Bagi Setiap Projek ICT

6.1.1 Projek Baharu

Projek baharu bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu atau gabungan aktiviti-aktiviti perolehan perkakasan, perisian, rangkaian, keselamatan, infrastruktur ICT, integrasi, migrasi dan/atau perkhidmatan ICT untuk membangunkan projek ICT jabatan/agensi seperti berikut:

(a) Pembangunan Sistem Aplikasi

Pembangunan sistem aplikasi bermaksud sistem aplikasi yang dibangunkan menggunakan perisian pembangunan atau pakej sedia ada (*off-the-shelf*) untuk kegunaan tertentu (contoh: Sistem Perakaunan, Sistem Personel dan Sistem Pengurusan Inventori).

Kod sumber (*source code*) dan data bagi sistem aplikasi mesti diserahkan kepada Kerajaan Negeri Perak setelah pelaksanaan projek ICT dilaksanakan.

Jabatan/Agensi perlu bersedia membuat **perkongsian data** mengikut keperluan untuk tujuan analisa dan kajian pada masa akan datang.

(b) Perkakasan Komputer Yang Menyokong Sistem Aplikasi/Infrastruktur Rangkaian

Merangkumi semua jenis alat-alat *input/output* (contoh: pencetak, pengimbas, alat baca *biometric*, alat *VoIP*), pemprosesan, storan data, peralatan rangkaian, multimedia (contoh: *video conferencing*), perkakasan komunikasi mudah alih (*wireless broadband*) dan perkakasan komunikasi berteknologi tinggi (contoh: radar, satelit, peranti *High-Speed Internet Access*) **kecuali** alat-alat seperti komponen alat ganti, barang pakai habis (*consumable item*), aksesori dan perabot komputer.

(c) Perisian Komputer Yang Menyokong Sistem Aplikasi/Infrastruktur Rangkaian

Merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem.

(d) Perkhidmatan ICT

Merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperoleh daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Antara contoh-contoh perkhidmatan ICT ialah instalasi dan konfigurasi perkakasan, pembangunan dan pemasangan sistem, pengurusan perubahan (*Change Management*), latihan dan pemindahan teknologi (*Transfer Of Technology*), pejabat pengurusan projek (PMO), infrastruktur rangkaian, talian Internet, perkhidmatan pengehosan (*hosting*), pengurusan data (migrasi, pemurnian, kunci masuk, pemulihan, penukaran), migrasi sistem, perkhidmatan keselamatan ICT, sewaan perkakasan, langganan maklumat atas talian dan seumpamanya adalah tertakluk kepada:

- i. Perkhidmatan perunding adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan, PK 3.1 Perolehan Perunding Secara Am dan Pekeliling Perbendaharaan, PK 3.2 Kos Perkhidmatan Perunding, yang mana berkaitan. Walau bagaimanapun perkhidmatan perunding memerlukan perakuan JTICT dan kelulusan JPICT;
- ii. Perkhidmatan ICT yang memerlukan pelanjutan seperti langganan maklumat atas talian, talian Internet dan perkhidmatan penghosan (*hosting*) yang **tiada perubahan** kepada skop asal tidak perlu memohon perakuan JTICT dan kelulusan JPICT bagi perkhidmatan seterusnya.

(e) Infrastruktur Rangkaian ICT

Merangkumi perolehan perkakasan, perisian dan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas (*Wide Area Network* (WAN)), rangkaian setempat (*Local Area Network* (LAN)) dan rangkaian tanpa wayar dengan kos melebihi RM200,000.00.

6.1.2 Peningkatan Sistem

Peningkatan sistem bermaksud mempertingkatkan keupayaan, perubahan dan/atau pertambahan skop/tempoh, *Change Request* (CR) atau menaiktaraf perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh adalah seperti peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi-fungsi dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz jalur lebar (*bandwidth*) serta peluasan rangkaian, perubahan dan/atau pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

6.1.3 Peluasan Sistem/Projek

Peluasan (*roll-out*) sistem/projek bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.

6.1.4 Penambahan Peralatan Yang Menyokong Sistem Aplikasi/Rangkaian

Penambahan peralatan bermaksud menambah bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian yang menyokong sistem aplikasi dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.

6.1.5 Perolehan Peralatan Bukan ICT Yang Menyokong Sistem Aplikasi/Rangkaian

Perolehan Peralatan Bukan ICT boleh dilaksanakan bersama dengan perolehan projek ICT sekiranya perolehan peralatan bukan ICT menyokong pelaksanaan projek baharu ICT (Contoh: perolehan *Closed-Circuit TV (CCTV)*), bekalan *Uninterruptible Power Supply (UPS)*, rak pelayan dan penyaman udara untuk tujuan membangunkan pusat data atau perolehan projektor.

6.2 Pengecualian Kelulusan JPICT

Pelaksanaan projek ICT yang tidak memerlukan kelulusan JPICT adalah seperti berikut;

6.2.1 Projek pembangunan ICT secara *In-house* yang tidak melibatkan sebarang peruntukan.

6.2.2 Projek pembangunan ICT yang menggunakan peruntukan selain dari peruntukan Kerajaan Negeri Perak.

Projek-projek yang dinyatakan dalam 6.2.1 dan 6.2.3 perlu dimaklumkan kepada BPM atau dimaklumkan dalam mesyuarat JPICT bagi tujuan penyelarasan dan rekod.

7.0 TATACARA PERMOHONAN

7.1 Setiap permohonan projek ICT jabatan/agensi perlu dikemukakan kepada JTICT untuk diperakui dan seterusnya JPICT untuk tujuan kelulusan.

7.2 Setiap permohonan projek ICT juga hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti laporan kajian pasaran yang telah dilaksanakan, laporan

penggunaan, maklumat spesifikasi perkakasan/perisian yang dicadangkan dan seumpamanya bagi menyokong permohonan.

7.3 Jabatan/agensi perlu menyediakan permohonan projek ICT mengikut format yang telah ditetapkan seperti berikut:

7.3.1 Borang Permohonan Kelulusan Pelaksanaan Projek Pembangunan ICT seperti di **Lampiran B**.

7.3.2 Format kertas cadangan kepada JTICT seperti di **Lampiran C**.

7.4 Aliran proses permohonan kelulusan projek ICT seperti di **Lampiran D**.

8.0 PELAPORAN STATUS KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK ICT

8.1 Semua Projek ICT Jabatan/Agensi yang telah diluluskan oleh JTICT atau JPICT perlu mengemukakan Laporan Kemajuan dan Pemantauan Projek mengikut format yang ditetapkan. Laporan ini perlu dikemukakan setiap kali mesyuarat JTICT dan JPICT diadakan bermula daripada tarikh kelulusan projek sehingga projek selesai.

8.2 Format Laporan Status Kemajuan Pelaksanaan Projek ICT yang telah mendapat kelulusan mesyuarat JTICT atau JPICT adalah seperti di **Lampiran E**.

9.0 PEMAKAIAN

Garis Panduan ini terpakai kepada jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak bagi semua projek ICT dan mematuhi Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 dan pekeliling Kewangan Negeri yang berkuatkuasa.

10.0 TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN ICT

Tempoh sah laku kelulusan peruntukan dan pelaksanaan projek ICT **adalah pada tahun semasa sesuatu projek itu diluluskan.** Bagi projek yang melibatkan pelaksanaan lebih dari setahun, peruntukan dan pelaksanaan bagi tahun berikutnya perlu mendapat perakuan JPICT dan kelulusan bagi tahun projek tersebut dilaksanakan.

11.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

12.0 PENUTUP


- 12.1 Semua jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Perak hendaklah menerima pakai dan mematuhi garis panduan dalam memohon kelulusan projek ICT yang ingin dilaksanakan.
- 12.2 Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai garis panduan ini, jabatan/agensi boleh mendapatkan keterangan lanjut dengan merujuk kepada:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM),
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak,
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh

No. Tel : 05-209 5070

LAMPIRAN A

STRUKTUR TADBIR URUS KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERAK



Rajah 1 : Struktur Tadbir Urus Kelulusan Pelaksanaan Projek Pembangunan dan Pemantauan Projek ICT Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak

	Borang Permohonan Kelulusan Pelaksanaan Projek Pembangunan ICT JABATAN/AGENSI NEGERI PERAK						
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Bahagian Pengurusan Maklumat, Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000, Ipoh, Perak Darul Ridzuan Telefon: 05-2091957 samb. 5070 Faks:05-2414869							
Nama Projek							
Jenis Permohonan (Sila tandakan ☒ pada ruang yang berkenaan)	☐ Projek Baharu ☐ Peningkatan Sistem/Rangkaian ☐ Peluasan Sistem/Rangkaian <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="width: 60%;">Sistem Aplikasi</td> <td style="width: 40%;"></td> </tr> <tr> <td>Rangkaian</td> <td></td> </tr> </table>			Sistem Aplikasi		Rangkaian	
Sistem Aplikasi							
Rangkaian							
Keterangan Ringkas Projek (Nyatakan secara ringkas latar belakang projek dan situasi semasa)							
Pemilik Sistem (Bahagian/ Jabatan / Agensi)							
Skop Projek (Sila senaraikan skop projek)	* Cth: i Perolehan perkakasan dan perisian server ii. Pembangunan pangkalan data sistem aplikasi Iii. Pemasangan dan konfigurasi						
Pengguna	Pengguna Langsung						
	Jenis pengguna		Anggaran jumlah pengguna				
	Pengguna Tidak Langsung						
	Jenis pengguna		Anggaran jumlah pengguna				
Tarikh Mula	Tarikh Tamat						

Anggaran Peruntukan projek (Sila nyatakan anggaran peruntukan mengikut tahun)	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="507 208 882 253">Tahun</th> <th data-bbox="890 208 1401 253">Peruntukan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="507 253 882 297"></td> <td data-bbox="890 253 1401 297"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="507 297 882 342"></td> <td data-bbox="890 297 1401 342"></td> </tr> </tbody> </table>		Tahun	Peruntukan (RM)				
Tahun	Peruntukan (RM)							
Sumber Peruntukan (Sila tandakan ☒ pada ruang yang berkenaan)	☐ Peruntukan Pembangunan ICT P07 ☐ Peruntukan Jabatan ☐ Peruntukan khas dari Pejabat Kewangan Negeri ☐ Lain-lain sumber peruntukan, sila nyatakan _____							
Maklumat Pemohon/Pegawai Bertanggungjawab	Nama : Jawatan : Gred : Tandatangan : Tarikh Permohonan :							
Pengesahan Ketua Jabatan	Nama : Jawatan : Gred : Tandatangan : Tarikh :							
Untuk kegunaan BPM, Pejabat SUK								
Syor JTICT	☐ Lulus ☐ Tolak ☐ Kaji Semula	Catatan						
Keputusan JPICT	☐ Lulus ☐ Tolak ☐ Kaji Semula	Catatan						

Lampiran C

FORMAT KERTAS CADANGAN

Font – Arial Size – 12 Spacing – 1.5 Spacing
--

[CADANGAN TAJUK PROJEK ICT]

Oleh

[NAMA JABATAN/AGENSI]

Bagi Tahun [TAHUN]

1.0 TUJUAN

Kertas cadangan ini bertujuan untuk memohon pertimbangan dan ulasan mengenai cadangan perolehan projek ICT iaitu [CADANGAN TAJUK PROJEK ICT].

2.0 LATAR BELAKANG

- Nyatakan sama ada permohonan Projek ICT telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT di peringkat Jabatan/Agensi;
- Sertakan dokumen sokongan seperti surat kelulusan atau minit mesyuarat;
- Nyatakan sama ada projek ICT yang dipohon merupakan program di dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) jabatan/agensi;
- Rasional atau permasalahan semasa yang membawa kepada cadangan Projek ICT; dan
- Nyatakan kategori sama ada:
 - (i) **Projek Baharu**
 - (ii) **Peningkatan sistem;**
 - (iii) **Peluasan sistem/projek;**
 - (iv) **Khidmat Perunding ICT; atau**
- Cadangan Jadual Pelaksanaan dalam bentuk Carta Gantt yang mengandungi aktiviti terperinci bagi setiap fasa pelaksanaan.

3.0 OBJEKTIF

- Nyatakan objektif cadangan projek ICT yang dikemukakan.

4.0 SKOP PROJEK ICT

- Nyatakan dan skop terhadap cadangan Projek ICT.

5.0 JUSTIFIKASI &

- Nyatakan justifikasi cadangan Projek ICT.

6.0 SPESIFIKASI TEKNIKAL PROJEK ICT

- Nyatakan spesifikasi terhadap cadangan Projek ICT.

7.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- Nyatakan anggaran kos dan sumber peruntukan untuk membiayai Projek ICT
- Sertakan lampiran lain yang terlibat (sekiranya ada) seperti laporan kajian pasaran, laporan penggunaan, maklumat spesifikasi perkakasan/perisian dan seumpamanya bagi menyokong permohonan.
- Anggaran kos bagi projek [CADANGAN TAJUK PROJEK ICT] adalah berjumlah RM [ANGGARAN KOS PROJEK] dan akan menggunakan peruntukan [NAMA PERUNTUKAN]

BIL.	PERKARA	KUANTITI (UNIT)	KOS SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.				
2.				
.....				
Jumlah Keseluruhan (RM)				

8.0 SYOR

Kertas cadangan ini dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak untuk ulasan dan pertimbangan dan seterusnya di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri Perak (JPICT) untuk kelulusan.

9.0 MAKLUMAT PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI


Nama Pegawai :
Penyelaras

Jawatan/Gred :

Nombor Telefon/Faks :

E-mel :

CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN PELAKSANAAN PROJEK ICT BAGI AGENSI/ JABATAN NEGERI PERAK



LAPORAN PRESTASI (KEWANGAN & FIZIKAL) PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN ICT
JABATAN/AGENSI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN _____
(PROJEK NEGERI)

NAMA JABATAN : BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

LAPORAN BULAN :

Bil	Kod Projek/Koding	Nama Projek	Tempoh Projek		Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal		Status Pelaksanaan (Tandakan)							Catatan
			Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Jumlah Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan		Peratus Sepatutnya Mengikut Perancangan	Peratus Sebenar	T	SS	DJ	IJ	LJ	BM	DP	
						Terkini (RM)	%										

Nota:

Status Pelaksanaan: Sila tanda / bagi:

DJ : Dahulu Jadual
IJ : Ikut Jadual

LJ : Lewat Jadual
BM : Belum Mula

DP : Dalam Perancangan

T : Tangguh
SS : Sudah Siap

Pengesahan Ketua Jabatan

 Nama :
 Tandatangan :
 Tarikh: